

# Upko akur keputusan Dr Mahathir

KOTA KINABALU, Isnin - Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko) sedia menerima sebanyak mana kerusi yang diperuntukkan oleh Barisan Nasional (BN) kepada parti itu pada pilihan raya umum akan datang.

Presidennya, Tan Sri Bernard Dompok, berkata parti itu akur arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta semua parti komponen BN menerima pembahagian kerusi yang ditetapkan.

Beliau berkata, keputusan itu adalah untuk kebaikan BN dan tidak wajar dipersoalkan walaupun ada parti mungkin menerima bilangan kerusi yang kurang berbanding jangkaan.

Dompok berkata demikian selepas melancarkan dialog peluang perniagaan dalam industri petroleum dan gas di Hotel Magellan Sutura, di sini hari ini.

Majlis itu dianjurkan bersama Petronas, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Sabah (DPMMS), Dewan Perntagaan Bumiputera Sabah (DPBS) dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kadazandusun Sabah (KCCI).

Dompok yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, Upko akan menerima sebarang keputusan mengenai pembahagian kerusi antara parti berasaskan Kadazandusun dan Murut.

Beliau yakin pembahagian kerusi antara parti berasaskan kaum adalah berdasarkan pencapaian dan sumbangan dalam pelbagai aspek pembangunan di negeri ini.